

19/02/2003

Hafiz yakin takluk dunia

Halmi Samad; Noor Jaafar

MUHAMMAD Hafiz Hashim enggan digelar 'angkuh' tetapi juara baru All England itu yakin akan menakluk gelaran dunia di Birmingham Mei ini untuk menaikkan ranking sekali gus layak beraksi di Sukan Olimpik 2004 di Athens.

Sambil menegaskan menjuarai acara perseorangan badminton lelaki Sukan Olimpik adalah cita-cita nombor satunya, anak muda kelahiran Kampung Sireh itu menjelaskan keyakinannya kian memuncak selepas menang di Birmingham.

"Matlamat saya ialah menang di kejohanan dunia di Birmingham Mei ini dan kemudian menang pingat emas di Sukan Olimpik. Tapi kalau nak ke Sukan Olimpik dengan mudah, saya kena menang kejohanan dunia di Birmingham.

"Tapi saya yakin dengan prestasi sekarang saya boleh muncul juara di kejohanan dunia," kata Muhammad Hafiz kepada kelompok wartawan tempatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) selepas tiba dari London semalam.

Muhammad Hafiz yang mengakhiri gersang 37 tahun selepas kali terakhir Tan Aik Huang muncul juara All England pada 1966 menjelaskan dia kini memiliki resipi terbaik untuk meneruskan irama kejuaraan.

"Lawan yang akan saya jumpa di Birmingham Mei nanti ialah lawan serupa. Semua pemain yang datang ke All England akan main lagi di kejohanan dunia. Saya perhatikan peluang saya cukup besar untuk menang," katanya dengan nada ceria.

Bagaimanapun, anak didik Misbun Sidek itu mengaku dia perlu mengekalkan corak permainan yang sama ketika menjuarai All England dengan menewaskan pemain nombor satu dunia, Cheng Hong 17-14 15-10.

"Kita perlu pandai main smash. Kita tak boleh smash sesuka hati. Sebaliknya kita perlu main rally dan stroke yang panjang untuk perangkap lawan. Tapi, kita akan mudah kalah kalau smash sesuka hati," katanya.

Pada masa yang sama, pemain Nusa Mahsuri itu mengaku agak terperanjat dengan sambutan meriah diberikan peminat tanah air sekembalinya dari London.

"Saya kagum tengok sambutan peminat. Saya tak sangka mereka akan berikan sambutan yang sebegini meriah," katanya sambil berterima kasih kepada abangnya, Roslin kerana memberi tangkal semangat ketika menentang Chen Hong.

"Apapun, saya sebenarnya lebih gemar jumpa Chen Hong. Saya memang sudah tahu kekuatan Chen Hong kerana sudah dua kali kalahkan dia. Jurulatih saya (Misbun) pun nasihatkan saya supaya lebih bersabar. Kalau nak serang kena hati-hati. Jangan smash sembrono," katanya.

Dalam perkembangan lain, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammudin Hussein menjelaskan pihaknya akan memikirkan insentif terbaik untuk Muhammad Hafiz sekali pun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua pihak jangan memikirkan soal ganjaran.

"Apa yang dikatakan oleh PM memang betul. Tapi bukannya bermakna kita tak boleh beri insentif. Cuma janganlah secara berlebihan. Dari dulu, saya selalu tegaskan bahawa kita tidak boleh nilaikan kejayaan seseorang dengan wang ringgit. Kejayaan menang All England itu sebenarnya sudah cukup besar," katanya.

Peminat nombor satu badminton Malaysia, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali pula mahukan semua pemain muda supaya menjadikan Muhammad Hafiz sebagai contoh teladan untuk meraih kejayaan di pentas kejohanan utama dunia.

"Jadikan kejayaan Hafiz ini sebagai contoh. Dia adalah role model semua pemain utama sekarang. Ikutlah contoh Hafiz kerana dia sudah menjuarai kejohanan All England. Saya juga harap kejayaan Hafiz akan membolehkan Malaysia menang lebih banyak kejohanan besar," katanya.